

LAPURAN PROJEK TAHUN AKHIR

KAJIAN KEMUNGKINAN BAGI MENYEDIAKAN
MAKMAL UJIAN BAHAN

DISEDIAKAN OLEH:

1. KHAIRUL ANWAR BIN JALIL
2. RAHMAT BIN ISMAIL

KURSUS KEJURUTERAAN MEKANIKAL

KAJIAN KEJURUTERAAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM.

JANUARI 1992

Kandungan	Muka surat
Kata Pengantar	i
Penghargaan	ii
Pengenalan	I - 2
Tujuan	3
Definisi :	4 - 5
a) IKS	
b) ISO 9000	
c) Ujian Bahan	
Pendahuluan	6
Kedudukan Perusahaan di dalam Ekonomi Negara	6 - 7
Potensi Perusahaan di Malaysia	8
Masalah - masalah yang dihadapi oleh Industri	9
Objektif dan Strategi Perkembangan :	10 - 11
a) Objektif Perkembangan	
b) Strategi Perkembangan	
Profail Industri Pada Tahun 1995	12
Polisi dan Galakan Kerajaan	13
Sumber Kewangan (Modal) :	14 - 24
a) Kos Peralatan	
b) Kos Ujian Bahan	
Persaingan	25
Pulangan atau Keuntungan	26 - 28
Rumusan	29
Rujukan	30
Lampiran	31 - 37

Kata Pengantar

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Mengetahui segala puji-pujian bagi Allah S.W.T.yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.Pencipta dan pengatur alam semesta hidup dan kehidupan manusia dalam apa juga aspek dan persoalannya.Tidak terlepas dari pengetahuan dan kekuasaannya.

Kami amat bersyukur kepada Allah S.W.T.kerana dengan izinnya kami dapat menyediakan lapuran ini.Walau pun pada dasarnya lapuran ini dibuat sebagai syarat untuk mendapatkan diploma,namun pada hakikatnya kami didedahkan dan di latih dengan berbagai-bagai perkara yang sebelum ini lebih merupakan teori kepada keadaan sebenar.

Tidak dinafikan dalam usaha untuk menyiapkan projek ini,kami menghadapi berbagai-bagai masalah lebih-lebih lagi dengan ilmu yang cetek serta kemahiran yang terbatas dalam usaha untuk menyiapkan projek ini.

Semoga lapuran ini dapat memberi manfaat kepada setiap yang direnunginya.Dalam penyediaan lapuran ini sudah tentu atau mungkin terdapat berbagai-bagai kesilapan dan kesalahan yang tidak disengajakan.

Oleh itu kami dengan kerendahan hati berharap agar mendapat teguran membina untuk dijadikan pengajaran kepada kami.

Segala kebaikan itu adalah hak mutlak Allah S.W.T. dan segala kesilapan dan kesalahan adalah hasil dari kelemahan kami sendiri.

Penghargaan

Kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak yang telah membantu mendapatkan maklumat untuk projek tahun akhir ini.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penasihat Projek, kerana beliau dengan rela hati sanggup memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis untuk melaksanakan projek ini.

Akhir sekali penghargaan ini diberikan kepada semua mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Pengenalan

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memainkan peranan yang penting dalam perkembangan struktur ekonomi bagi kebanyakan negara-negara yang sedang membangun. Contohnya, Malaysia yang sedang menuju ke arah negara perindustrian menjelang 2020. Oleh itu, fungsi IKS dijangka bertambah penting dan ia tidak hanya sebagai struktur sokongan, tetapi lebih ke arah menyediakan asas serta hubungan teknologi bagi memastikan kejayaan pembangunan perusahaan besar.

Kata Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abd. Ghani bin Othman, berbanding dengan negara lain terutama Jepun dan Korea, sumbangan sektor IKS Malaysia masih kurang menggalakkan. Sebagai contoh, kira-kira 60 peratus firma IKS di Jepun terbabit dalam kegiatan subkontrak berbanding hanya jumlah yang kecil bergiat mengeluarkan barangan pertengahan di Malaysia.

Pada 1988, IKS hanya berkembang pada kadar 89.5 peratus disegi bilangan syarikat yang ditubuhkan dalam sektor perkilangan, 41.4 peratus (jumlah pekerjaan) dan 36.2 peratus (jumlah nilai ditambah), berbanding masing-masing 91.6, 45.8 dan 43.7 peratus pada 1979.

Ini jelas menunjukkan bagi tempoh berkenaan (1979 - 1988), sumbangan IKS kepada sektor perkilangan menurun dengan ketara. Sehubungan itu, kerajaan sedang dan akan melaksana pelbagai program terutama menerusi Pelan Induk Perindustrian (IMP) dan yang terbaru, Rancangan Malaysia ke enam (RM6) bagi memajukan IKS.